

**MENARIK EDISI INI**

- Konvensyen Felo 2015
- UTM Aspirasi Puncak Transformasi
- Aktiviti IPF 2015
- Aktiviti Mahasiswa
- Tips Kesihatan

**SIDANG REDAKSI**

**Ketua Editor:**

En. Azizul bin Azman

**Jurugambar:**

En. Hadafi Fitri bin Mohd Latiff  
En. Nor Mohd Afif bin Osman

**Wartawan:**

Dr. Rabia Bakhteri  
Pn. Siti Aishah binti Abdul Hamid  
Pn. Nurul Na'immah binti Hamdan  
Pn. A. Rafidah binti A. Mohd Yunos  
En. Mohd Fadthul Ikmal bin Misnal

**Pereka Grafik:**

En. Mohammed bin Mohd Hasni  
Dr. Nor Fasiha binti Mohd Yusof  
Dr. Noorfa Haszlina bte Mustaffa

**Tugas-tugas Khas:**

Cik Siti Marsilawati binti Mohamed Esivan

**FAKTA NOMBOR**

**JUMLAH AHLI IPF 2015**

**10**  
Pengetua

**52**  
Felo

**35**  
Pembantu Felo

# Konvensyen Felo 2015



Pada **19-21 Mac 2015**, IPF telah berjaya menganjurkan Konvensyen Felo 2015 bertempat di Glory Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Konvensyen Felo pada kali ini telah dijayakan oleh **Kolej Tun Fatimah** yang diketuai oleh **Pn. Siti Noraishah Mohammad Ramlan**, Felo Kolej Tun Fatimah. Persediaan bagi pelaksanaan konvensyen ini telah diadakan sejak awal Januari 2015 dengan penglibatan daripada kolej-kolej di UTM. Seramai hampir 70 ahli IPF telah hadir ke konvensyen felo pada kali ini. Konvensyen ini telah dimulakan dengan forum berkaitan "*Peranan Felo Sebagai Pemangkin Pembangunan Mahasiswa di Universiti*". Pelbagai aktiviti telah berjaya dilaksanakan sepanjang konvensyen ini berlangsung seperti perbengkelan berkaitan IPF, riadah senamrobik, ceramah dan sesi lawatan ke Sanctuary Penyu. Konvensyen ini telah **dirasmikan** oleh **Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar**, Naib Canselor, Universiti Teknologi Malaysia dan dihadiri juga oleh Prof. Dr. Ismail bin Abd. Aziz, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni.



## UTM ASPIRASI PUNCAK TRANSFORMASI

*karya: Mohamad Firdaus Ab Aziz  
(bernama pena ilham seni)*

Megah dan berdiri kukuh  
Letaknya indah di gerbang selatan  
Saujana mata memandang  
Hati mana tidak tertawan  
Mengintai pesona Universiti Teknologi  
Malaysia

Segemilang namanya diberi  
Tiada siapa pernah menduga  
UTM adalah mutiara berharga  
Permata agung kebanggaan negara  
Bersama merentas batasan teknologi  
Bersama menjana inovasi dan kreativiti  
Melahirkan mahasiswa hebat ke santero  
dunia

Darimu Universiti Teknologi Malaysia  
kami bertatih, mengorak langkah jitu  
Dari lautan kan kami jelajahi  
Ke puncak tertinggi dunia kan kami jejak  
Namamu kan bergema ke semesta jagat  
Mengangkasa azam, tekad dan hasrat yang  
murni

Hari ini,  
Terpatah sudah sejarah nusa  
Satu iltizam anak bangsa tercipta  
Kita buang jauh rasa takut dan bimbang  
Kita sisihkan mimpi ngeri semalam  
usah gentar dengan halangan dan cabaran  
kita bangkit dengan cita-cita yang baru  
kita kumpul semangat semaksima usaha  
kejayaan pasti milik kita bersama

bahawa tiada yang mustahil  
untuk kita kecapai  
bahawa dengan sepenuh kudrat  
kita bisa meredah apa jua bencana  
mari kita pahat dilembaran sejarah  
bahawa kita adalah  
pemangkin transformasi Negara  
pembakar obor kegemilangan bangsa  
penjulung panji kecemerlangan pertiwi  
tiada berkesudahan

## 8 Kesalahan Kesihatan

1. Tak Cukup atau Terlebih Tidur
2. Elak Sarapan
3. Abaikan Senaman Pembawat
4. Terlebih Protein
5. Bergantung pada orang lain
6. Merokok
7. Elak Pemeriksaan Kesihatan
8. Bersenam Hari-hari



Kevin Zahri

## PERANCANGAN AKTIVITI IPF 2015

Biro	Pusat Aktiviti	Perancangan Aktiviti 2015
<b>Kebajikan</b>	KP	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lawatan Kebajikan</li> <li>• Jamuan Raya IPF 2015</li> <li>• Kertas Kerja Kebajikan Felo &amp; Pembantu Felo</li> </ul>
<b>Kerohanian</b>	KDOJ	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jamuan Raya IPF 2015</li> <li>• Aktiviti Korban</li> <li>• Program Israk Mikraj</li> <li>• Ceramah/Forum Bahaya Syiah</li> <li>• Program Maulidur Rasul</li> </ul>
<b>Sukan &amp; Rekreasi</b>	KTR	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Le Tour de UTM</li> <li>• Mendaki Gunung Belumut</li> <li>• Pertandingan Badminton</li> <li>• Pertandingan Boling</li> <li>• Water Rafting</li> <li>• Lawatan ke Singapura</li> <li>• Futsal Persahabatan bersama MPM</li> </ul>
<b>Pembangunan &amp; Budaya Ilmu</b>	KTC	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kertas Kerja Penyelidikan</li> <li>• Forum DNA Institusi Felo</li> <li>• Kem Felo</li> </ul>
<b>Komunikasi &amp; Dokumentasi</b>	KTHO	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Arkib IPF di UTM Share</li> <li>• Kompilasi Gambar Program 2015</li> <li>• Buletin IPF</li> <li>• Mengambil Gambar Korporat</li> <li>• Mengemaskini emel dan facebook IPF</li> </ul>

## MaKNa & ELECTRICAL ENGINEERING CHARITY EVENT (MECE)



Program MaKNa & Electrical Engineering Charity Event (MECE) merupakan satu program berbentuk khidmat masyarakat yang dijalankan oleh mahasiswa-mahasiswi dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) sempena Festival Konvokesyen ke-54 pada tarikh **22-27 April 2015**.

Program MECE diketuai oleh Saudara Lim Thye Yee dan Penasihat Program adalah **Dr. Rabia Bakhteri** (Felo Kolej Perdana), Pn. Norhafizah Ramli dan En. Muhammad Arif Abdul Rahim. Program ini terdiri daripada aktiviti pengumpulan derma selama enam hari sepanjang Festival Konvokesyen kali ini. Kutipan derma ini adalah untuk diberikan kepada Majlis Kanser Nasional (MaKNa). Pihak MaKNa akan menggunakan wang derma tersebut bagi menampung perbelanjaan rawatan dan perubahan pesakit-pesakit kanser yang kurang mampu di seluruh Malaysia.

Berkat usaha gigih daripada pelajar-pelajar FKE, program MECE telah berjaya mengumpulkan dana sebanyak **RM9010.15**. Terima kasih diucapkan kepada kepada pelajar-pelajar dan staf UTM, pengunjung-pengunjung FesKo dan rakyat Johor yang menderma dengan penuh ikhlas dan hati terbuka. Moga derma ikhlas daripada anda semua diberkati oleh Allah swt dan dapat membantu meringankan beban dan memulihkan kesihatan pesakit-pesakit yang menghidap kanser di seluruh Malaysia. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada pihak UTM Technology Entrepreneurship Center (UTMTEC) dan Institut Voltan dan Arus Tinggi (IVAT) di atas penganjuran projek LED Music Synchronizer yang dibina oleh pelajar-pelajar pelaksana program MECE untuk dipamerkan semasa FesKo.

Majlis Penutup program MECE telah diadakan semasa Majlis Penutup Konvokesyen pada 27 April 2015